

Unisza usaha martabat Bahasa Arab

GONG BADAQ – Selaras dengan usaha untuk memartabatkan Bahasa Arab sebagai salah satu bahasa utama dunia, satu inisiatif tersusun telah dirancang oleh Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dengan mengadakan Perkhemahan Bahasa (Mukhayyam Lughawi 1).

Perkhemahan yang julung kali diadakan di Unisza Kampus Gong Badak itu melibatkan 22 pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab Unisza dan 20 orang pelajar Ijazah

Sarjana Muda Bahasa Arab dari Universiti Fatonni, Thailand.

Selain itu, penyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab, FBK dan dua penyarah pengiring dari Universiti Fatonni turut terlibat dalam perkhemahan ini sebagai fasilitator dan hakim bagi setiap aktiviti yang dijalankan.

Pengarah programnya, Mohamad Azizie Aziz, berkata Mukhayyam Lughawi 1 ini adalah salah satu subjek teras yang wajib diambil oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab pada semester 4.

"Kursus ini terdiri daripada aktiviti dalaman dan luaran yang memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kemahiran komunikasi yang bertujuan membantu mereka menguasai bahasa Arab dengan baik.

"Selain itu, ia juga memberi peluang kepada pelajar untuk menerangkan kemahiran insaniah dalam diri seperti kepimpinan dan kerjasama



Antara sebahagian aktiviti dalam program berkenaan.

dalam aktiviti pengukuhan bahasa Arab," katanya ketika ditemui.

Menurut Azizie, penguasaan kemahiran berbahasa adalah tunjang utama dalam memahami serta mempraktikkan sesuatu bahasa, dan Bahasa Arab tidak terkecuali dalam

menekankan empat kemahiran berbahasa utama iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

Tambahnya lagi, pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi memastikan matlamat dan objektif kursus ini ber-

jaya dicapai, di samping menekankan aspek kemahiran Bahasa Arab khususnya kemahiran bertutur dalam Bahasa Arab, sesuai dengan temanya iaitu 'Bercakaplah sekalipun anda melakukan kesilapan'.

"Aktiviti dalaman telah dijalankan di sekitar Unisza Kampus Gong Badak selama lima hari yang melibatkan 10 aktiviti bahasa, manakala aktiviti luaran pula membabitkan tiga aktiviti," katanya.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektif dan matlamat yang digariskan.

Ketua Pusat Pengajian Bahasa Arab, FBK, Dr Nurazan Mohamad Rouyan berharap agar hasil kerjasama Pusat Pengajian Bahasa Arab, FBK dengan Jabatan Bahasa Arab Universiti Fatonni ini dapat menguatkan hubungan dua hala dalam misi memartabatkan bahasa Arab sebagai antara bahasa utama dunia.

JOM SOLAT	
KUALA NERUS	
SUBUH	5:35
SYURUK	6:59
ZUHUR	1:14
ASAR	4:40
MAGHRIB	7:25
ISYAK	8:41